

04/12/1997

Penjual, pembeli makin lupakan tanggungjawab sosial

ISU yang hangat masa kini ialah kegawatan ekonomi. Kawan fikir, walaupun keadaannya masih boleh dikawal, kita juga perlu melihat kepada keburukannya. Apa yang dicadangkan dan dilakukan oleh pemimpin negara supaya semua orang, daripada rakyat jelata hingga ke menteri supaya berhemat dalam serba-serbi, adalah untuk kebaikan kita semua.

Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua pihak bersama-sama mengatasi atau lebih sesuai memerangi masalah ekonomi dan kejatuhan nilai ringgit, patut disokong sepenuhnya.

Perdana Menteri pun pernah minta semua rakyat tidak melancong ke luar negara. Pemimpin negara dah tentu kena sekat, begitu juga pegawai kerajaan.

Apabila nilai ringgit jatuh, secara spontan semua orang terasa bahananya. Tiba-tiba saja, segala yang dibeli sama ada dalam bentuk barangan mahupun perkhidmatan dikaji dan diteliti sama ada ia berbaloi atau tidak. Begitulah adat manusia, sudah terhantuk baru nak terngadah.

Apa yang kawan nak sentuh ialah sikap sesetengah orang yang mementingkan diri sendiri. Dalam kegawatan ekonomi ini juga mereka tak mahu berkompromi. Mungkin itu tabiat dan naluri semula jadi manusia. Ketika kita menghadapi zaman ekonomi merudum ini, banyak perkara yang sensitif, dari tol, bil elektrik, bil air, sistem kumbahan, semuanya kini memaksa pengguna berfikir apakah nilai yang dibelanjakan sepadan dengan khidmat yang diberikan?

Jika dulu bayaran tol tidaklah menjadi persoalan tetapi sejak akhir-akhir ini, ia mula menampakkan kegelisahan di kalangan pengguna. Sebelum nilai ringgit jatuh, orang tidak begitu peduli mengenai tol tetapi penurunan nilai ringgit mula mencuit hati pengguna apakah nilai wang yang dibelanjakan dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan?

Apakah tol yang pengguna bayar berbaloi dengan khidmat yang diberikan? Kawan tak dapat bayangkan apakah justifikasi Projek Lebuhraya Utara Selatan (Plus) mahu menaikkan kadar tol sedangkan khidmat yang disediakan tidak meningkat. Kesesakan lalu lintas berlaku di kebanyakan lebuhraya bertol, terutama menuju ke ibu kota.

Kawan suka cadangkan, Plus atau mana-mana pemegang konsesi lebuhraya supaya menyediakan papan kenyataan elektronik untuk memberitahu pengguna lebuhraya kawasan yang berlaku kesesakan supaya menggunakan laluan alternatif. Janganlah fikirkan soal kantung masing-masing, tanpa bertimbang rasa terhadap pengguna.

Begitu juga dengan perkhidmatan Indah Water Konsortium (IWK). Kawan hairan mengapa bayaran awal yang dikenakan dulu tidak dipulangkan atau ditolak untuk pembayaran pada masa depan? Apa yang menghairankan, apabila bayaran perkhidmatan pertama dibuat, bayaran terdahulu dikira hangus, sebaliknya bil baru yang diterima.

Kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB), pastikan kutipan bil dibuat sebulan sekali kerana bayaran yang dipungut dua bulan sekali bererti pengguna terpaksa membayar lebih kerana tarif yang berbeza. Keadaan ini pernah berlaku di seksyen 27 dan 28 Shah Alam atas alasan sistem komputer tidak berfungsi.

Pengguna boleh terima alasan itu tapi di manakah kecekapan dan kepakaran TNB untuk mengatasi masalah ini? Mungkin TNB mengambil mudah dengan terus mencantumkan kedua-dua bil bulanan itu menjadi satu.

Berbeza dengan senario negara maju. Baru-baru ini, sahabat kawan pergi

ke Kanada dan dalam perjalanan pulang singgah di Tokyo. Sebaik sampai, sahabat kawan terus menuju ke salah sebuah pusat kamera kerana kameranya bernilai RM2,000 yang dibeli di Malaysia rosak.

Menurut cerita sahabat kawan itu, mungkin kerana sikap bertanggungjawab, pekedai itu terus menukarnya dengan kamera baru. Begitulah sikap tanggungjawab pengusaha demi menjaga imej dan maruah perniagaannya. Begitu juga dengan kejadian yang kawan lalui ketika di Victoria, British Columbia.

Kawan nak tukar bateri kamera tapi sebelum pekedai itu memberi bateri baru, dia mengujinya dahulu di depan kawan sama ada bateri itu masih elok atau sudah tidak boleh digunakan. Selepas diuji, barulah dia menjualkan baterinya pada kadar RM58.

Kawan pun hairan, kawan tanya padanya kenapa diuji. Dia kata, ini etika perniagaan. Dia tak boleh tipu pembeli, begitu juga pembeli kenalah bersikap jujur.

Moral cerita yang kawan paparkan ini adalah sebilangan kecil sifat yang perlu ada pada rakyat negara maju. Mampukah rakyat Malaysia melakukannya? Dalam kita mengejar kekayaan, usahlah kita lalai akan sikap dan sifat tanggungjawab sosial supaya kita tidak dicemuh cucu, cicit atau oneng-oneng kita kemudian hari.

(END)